



GEMBIRA
...Asmah
(tengah) dan
Jaini melihat
diploma dan
ijazah yang
diperoleh
tiga anaknya
di UTHM.

3 anak berjaya berkat doa ibu

B ATU PAHAT: Doa seorang ibu membawa kejayaan kepada tiga anak perempuannya yang menerima diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana di majlis Konvokesyen Ke-12 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, semalam.

Tiga beradik itu anak kepada pasangan guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Gambir, Muar, Jaini

Parmin, 51 dan Asmah Md Rashid, 51.

Lebih menarik mereka bertiga mengambil kursus pengajian sama iaitu Kejuruteraan Elektrik dengan anak sulung, Nur Syuhada, 25, menerima ijazah sarjana, anak kedua, Nur Afiqah, 23 (ijazah sarjana muda) dan anak ketiga, Nurul Abidah Najihah, 21, (diploma).

Asmah berkata, dia men-

doakan kejayaan anaknya di dunia dan akhirat bagi memastikan kehidupan diberkati dan dipermudahkan terutama dalam menjalani kehidupan sebagai pelajar.

"Doa ibu amat penting buat anak-anak. Saya selalu mendoakan mereka dan selebihnya tentulah diri mereka sendiri yang perlu berusaha gigih," katanya yang juga seorang guru biologi.